



Kementerian Sumber
Asli dan Alam Sekitar



Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن

MAJUTAN

Edisi Mei-Ogos 2015 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



MAJLIS PELANTIKAN DAN PENYAMPAIAN WATIKAH TIMBALAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN (OPERASI & TEKNIKAL) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

1

LAWATAN DYTM RAJA
MUDA PERLIS DAN DYMM
TUANKU Raja PERLIS
KE TAMAN NEPENTHES,
KLEDANG SAIONG



5

BENGKEL
PENGENALPASTIAN
HAZARD



6

PROGRAM
PENGHIJAUAN
CAMERON HIGHLANDS



14

SESI KONSULTASI AKHIR
BERSAMA DENGAN
PIHK BERKEPENTINGAN
BAGI MEMUKTAMADKAN
CADANGAN DASAR
PERHUTANAN NEGARA
2015 PERINGKAT JABATAN
PERHUTANAN SEMENANJUNG
MALAYSIA



16

LAWATAN KE TITIAN
SILARA TAMAN EKO
RIMBA BUKIT NANAS,
KUALA LUMPUR SEMPENA
MESYUARAT MAJLIS
BERSAMA JABATAN (PIHK
PEKERJA) JPSM 2015



ISI KANDUNGAN

LAWATAN DYT M RAJA MUDA PERLIS DAN DYMM TUANKU Raja PERLIS KE TAMAN NEPENTHES, KLEDANG SAIONG	1
ANUGERAH PEMBACA BULANAN PERPUSTAKAAN IPJPSM 2015	3
KURSUS PEMENTORAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	3
KURSUS INDUKSI KHUSUS JPSM BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN BAHRU GRED 41 DAN GRED 27	4
BENGKEL PENGENALPASTIAN HAZARD PENAKSIRAN RISIKO & KAWALAN RISIKO (HIRARC) DI HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI	5
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN SESI 2014-2015	5
PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI KELIMA DAN MEMPERKASA INTEGRITI DALAM KELESTARIAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	6
PROGRAM "RAINFOREST MTB" DOWNHILL CHALLENGE 2016 (EPISODE II)	7
SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TASIK PERGAU	8
PROGRAM IHYA RAMADHAN	9
SESI HANDS-ON LAB CITIZEN INFORMATION GATEWAY PROGRAM (CCIGP) SIRI 4	9
MAJLIS SAMBUTAN BERBUKA PUASA BERSAMA AHLI PONDOK UMUMI MADRASAH AHMADIAH BUKIT PINANG	10
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH	10
LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN DEMONSTRASI PENGESANAN BALAK MENGGUNAKAN PENDEKATAN DNA DI MAKMAL GENETIK	11
MAJLIS PELANTIKAN DAN PENYAMPAIAN WATIKAH GRED UTAMA JUSA C	12
KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN PERHUTANAN UNTUK PERINGKAT PENGURUSAN 2015	13
SESI KONSULTASI AKHIR BERSAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI MEMUKTAMADKAN CADANGAN DASAR PERHUTANAN NEGARA 2015 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	14
LAWATAN KE TITIAN SILARA TAMAN EKO RIMBA BUKIT NANAS, KUALA LUMPUR SEMPENA MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (PIHAK PEKERJA) JPSM 2015	16
PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS	17
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE 58 PERINGKAT NEGERI KEDAH	17
KALORI (BAHAGIAN 1) SIAPAKAH KAMU?	18
LENSA JPSM: ACARA MENANAM POKOK OLEH YBHG. DATO' SRI DR. KPPSM DAN YBHG. DATO' TIMBALAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN (DASAR & PERANCANGAN) SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IPJPSM BILANGAN 5 TAHUN 2015	20
LENSA JPSM: LAWATAN DELEGATES INTERPOL DAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)	20
LENSA JPSM: MESYUARAT BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)	21
LENSA JPSM: PENYERTAAN JPSM DALAM PROGRAM SIMFONI SENI 2015 KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)	22
LENSA JPSM: MESYUARAT BERSAMA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)	22
LENSA JPSM: PELANCARAN BUKU MANUAL PESISIR PANTAI	22
LENSA JPSM: MAJLIS MEJA BULAT BERSAMA DELEGASI MENTERI HAL EHWAL EKONOMI DARI BELANDA	23
LENSA JPSM: PROGRAM EXECUTIVE TALK	23
LENSA JPSM: MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI	24
LENSA JPSM: KARNIVAL KESIHATAN 2015	25
LENSA JPSM: PELANCARAN KATALOG METADATA	25
KALENDAR 2016	26

DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam satu JPSM.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bertemu kembali di Buletin MAJUTAN Edisi Mei-Ogos tahun 2015.

Buletin MAJUTAN Edisi Mei hingga Ogos terbitan Ke-2 pada tahun ini kembali lagi dengan penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi untuk dikongsi dengan semua warga JPSM.



Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di sepanjang Mei-Ogos tahun 2015 bagi menjayakan misi dan visi jabatan untuk menjadi Agensi Terunggul di dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

Pada 10 Ogos 2015 YBrs. Encik Borhanudin bin Arshad yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengaroh (Operasi & Teknikal) menggantikan YBhg. Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa yang telah besara wajib. JPSM juga telah berjaya mengadakan Sesi Konsultasi Akhir Bersama Dengan Pihak Berkepentingan Bagi Memuktamadkan Cadangan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 2015 Peringkat JPSM pada 25 hingga 26 Ogos 2015 bertempat di The Everly Putrajaya.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kumpulan sidang redaksi MAJUTAN dan penyumbang artikel yang sama-sama terlibat di dalam proses penghasilan buletin ini.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT"
"JPSM BERWAWASAN"
"1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

SHASHIAH BINTI ABDUL KARIM
Ketua Pengarang Sidang Redaksi

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengaroh Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGURUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengaroh Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah Binti Abdul Karim
Pengaroh Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG

Othman Bin Deris

PENOLONG PENGARANG 2

Suhana Binti Bebakar

URUSAN PERCETAKAN & EDARAN

Kamal Kusyairi Bin Abd Ghani

PENOLONG PENGARANG 1

Asiah Binti Yaacob

KONSEP DAN REKA BENTUK

Rajihan Bin Rahim

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR

Nurazuwah Binti Omar

NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati Binti Mohamad Mastar

PULAU PINANG

Wan Mohd Yassim Bin Wan Wahab

KEDAH

Siti Sarah Binti Shaharuddin

PAHANG

Bahren Zuhaily Bin Abdul Rahim

SELANGOR

Nor Wahida Binti Amran

KELANTAN

Suryani Binti Mohd Nordin

PERAK

Nur' Ain Binti Chek Mustafa

TERENGGANU

Mohd Hafni Bin Ahmad Saraji

MELAKA

Noor Syuhada Binti Abdul samad

PERLIS

Abdul Wahab Bin Jamaluddin

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Rusli Bin Tahir

WAKIL BAHAGIAN & UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN

PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN

Suhaida Binti Mohamed

LATIHAN PERHUTANAN

Muhammad Hafiz Bin Abdullah

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Mohd Zuhilmi Bin Mohd Radzi

PENGURUSAN HUTAN

Rosaizan Haryani Binti Rosli

PENGUATKUASAAN HUTAN

Muhamat Azman Bin Yahya

FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

Muhammad Firdaus Bin Khadlan

SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

Nor Hasliza Binti Mohd Bokti

KEJURUTERAAN HUTAN

Ab. Rashid Bin Othman

KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

Nor Hidayu Binti Abd. Razak

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Wan Ghazali Bin Wan Ali

PENGURUSAN MAKLUMAT

Noorazila Binti Yatim

SETIAUSAHA PUSPANITA

Siti Raihana Binti Ramli

HAL EHWAL ANTARABANGSA

Harry Yong

TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU

Zulazfar Husaini Bin Abdullah Sani

JURUFOTO

Hairul Bin Abdul Hamid

IPOH
5 MEI

LAWATAN DYT M RAJA MUDA PERLIS DAN DYM TUANKU RAJA PERLIS KE TAMAN NEPENTHES, KLEDANG SAIONG

Disediakan oleh: Hiryahfiza binti Mohamad Tahir
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 5 MEI 2015 - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah berkenan mencemar duli ke Taman Nepenthes, Taman Rimba Kledang Saiong, Ipoh, Perak. Ketibaan kedua-dua kerabat DiRaja Perlis ini telah disambut oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK).


Lawatan mencemar duli DYT M Raja Muda Perlis bersama DYT M Raja Puan Muda Perlis adalah bertujuan untuk melihat spesies-spesies Nepenthes atau lebih dikenali sebagai 'Periuk Kera' yang unik dan menarik perhatian pengunjung. Taman ini mempunyai koleksi 55 spesies Nepenthes dari dalam dan luar negara yang mana 15 spesies hybrid Nepenthes yang hidup subur di kawasan Taman Nepenthes ini. Menariknya, Taman Nepenthes di Taman Rimba Kledang Saiong merupakan Taman Nepenthes pertama di dunia.

Program lawatan mencemar duli Raja Muda Perlis yang bersifat santai ini diteruskan dengan penerangan oleh Renjer Hairudin bin Haji Abd. Hadi dari Unit Hutan Lipur mengenai spesies Nepenthes yang terdapat di taman ini dari segi rupa bentuk yang unik, warna yang berlainan untuk setiap spesies serta cara tumbuhan ini memerangkap serangga. Seterusnya, program diteruskan dengan aktiviti penanaman pokok Damar

Minyak oleh DYT M Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bersama DYT M Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan diakhiri dengan santapan petang bersama-sama Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Haji Roslan Bin Ariffin dan Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dr. Mohd Hizamri Bin Mohd Yasin serta pegawai-pegawai kanan.

Perkhabaran program ini oleh Raja Muda Perlis kepada Ayahandanya Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni AlMarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah menambat hati Baginda untuk mencemar duli ke Taman Nepenthes pada 9 Mei 2015. Baginda bersama Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Binti AlMarhum Tengku Abdul Rashid melawat ke Taman Nepenthes untuk melihat sendiri keunikan pokok 'Periuk Kera' yang dapat menarik minat pengunjung ke taman ini.

Penubuhan Taman Nepenthes ini juga bukan sajasesuai untuk sesi pembelajaran kepada para pelajar sekolah mahupun universiti malahan ianya juga merupakan salah satu usaha bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk menambahkan lagi hasil pendapatan negara yang boleh menarik pelancong dari dalam dan luar negara untuk memperkenalkan tumbuhan eksotik ini kepada semua lapisan masyarakat.



DYT M Raja Muda dan DYT M Raja Puan Muda Perlis menandatangani buku pelawat di Taman Nepenthes, Taman Rimba Kledang Saiong Ipoh, Perak.



Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni AlMarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Binti AlMarhum Tengku Abdul Rashid melawat ke Taman Nepenthes

Penanaman pokok Tulang Daing oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni AlMarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah binti AlMarhum Tengku Abdul Rashid



ANUGERAH PEMBACA BULANAN PERPUSTAKAAN IPJPSM 2015

Disediakan oleh: Zuraida Binti Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

Anugerah Pembaca Bulanan Perpustakaan JPSM merupakan aktiviti bulanan yang mana penyertaannya terbuka kepada semua warga JPSM. Seorang penerima akan dipilih dan dinilai berdasarkan rekod pinjaman bahan (ILMIAH). Aktiviti ini juga diadakan bagi memberi penghargaan kepada warga Jabatan yang menyokong aktiviti membaca. Para penerima yang dipilih akan diberikan sijil dan buku sebagai tanda penghargaan.

BULAN	NAMA
Januari	Nurul Husna Luycia Binti Gelanggang
Februari	Nurliyana Binti Ahmad
Mac	Alisah Binti Simin
April	Roshaizan Haryani Binti Rosli
Mei	Ridzuwan Bin Endot
Jun	Rosmawati Binti Ismail
Julai	Sarimah Binti Asat



Puan Rosmawati binti Ismail dua dari kanan menerima sijil dan buku sebagai tanda penghargaan daripada YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM



Cik Nurliyana binti Ahmad menerima sijil dan buku sebagai tanda penghargaan daripada YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM

LUMUT 6 MEI KURSUS PEMENTORAN SEMENANJUNG MALAYSIA JABATAN PERHUTANAN THE ORIENT STAR RESORT LUMUT, PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh: Siti Nawwar binti Zainudin
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

KURSUS PEMENTORAN TAHUN 2015
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
ANJURAN BAHAGIAN KHEMAT PENGURUSAN

6-8 MEI 2015



Peserta-peserta kursus Pementoran 2015

Program Pementoran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 2015 telah diadakan di Lumut, Perak pada 6 hingga 8 Mei 2015. Seramai lapan (8) orang mentor terdiri daripada Pegawai Pemelihara Hutan Gred G48 dan lapan (8) orang menti



Aktiviti sukan dan berkumpulan antara mentor, menti dan pegawai penyelaras



KURSUS INDUKSI KHUSUS JPSM

BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN BAHARU

GRED G41 DAN GRED 27

Disediakan oleh: Muhammad Hafidz bin Abdullah
Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM



Peserta Kursus Induksi Khusus bergambar bersama Encik Borhanudin bin Haji Arshad, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan.



Peserta mendengar taklimat berkenaan pengurusan tapak semaihan yang disampaikan oleh Encik Saiful Azmi bin Mat A'azid.



Peserta mencuba memotong tual balak menggunakan mesin gergaji berantai.

Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) telah menganjurkan Kursus Induksi Khusus pada 10 Mei 2015 sehingga 4 Jun 2015 kepada 19 orang pegawai lantikan baharu gred G27 dan G41 di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT). Kursus Induksi Khusus ini telah dirasmikan oleh Encik Borhanudin bin Hj. Arshad, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan, mewakili YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada peserta kerana berjaya terpilih untuk memasuki Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) secara khususnya. Beliau juga menyampaikan amanat kepada para peserta agar memanfaatkan peluang tersebut dengan menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan sebaik mungkin bagi memastikan sumber hutan di Malaysia terus dipelihara secara mampan.

Kursus Induksi Khusus merupakan kursus wajib dan salah satu syarat untuk pengesahan jawatan dalam perkhidmatan. Objektif kursus induksi khusus ini ialah:

- Meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai baharu dalam subjek dendrologi, pengecaman isi kayu, bancian Pre-F dan bancian Post-F serta semua aspek kerja-kerja operasi dan pembangunan hutan;
- Memberi pendedahan kepada peserta kursus mengenai pelbagai jenis pekerjaan dan tugastugas di Jabatan Perhutanan khususnya dalam kerja-kerja di lapangan;
- Memberi latihan mengenai "duties and tasks" dalam pelbagai jenis pekerjaan dan tugas secara "hands-on" termasuk menganalisa data-data bancian Pre-F dan Post-F; dan

- Meningkatkan keupayaan merancang dan mengawal selia aktiviti perhutanan.

Pelbagai program dan aktiviti yang dirancang telah djalankan sepanjang berlangsungnya kursus ini. Antaranya ialah ceramah tentang fungsi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, pengurusan kewangan, pematuhan kepada Akta dan Pekeliling serta integriti dalam perkhidmatan awam. Selain itu, peserta diberi pendedahan kepada operasi di lapangan seperti Pre-F, penyediaan sempadan kawasan lesen, penandaan pokok, penguatkuasaan hutan serta penyemakan petak bincian Post F/ Pre-F melalui ceramah dan latihan amali. Peserta kursus juga telah dibawa melawat kilang Industri kayu dan kawasan usaha hasil serta berpeluang mengendalikan gergaji berantai dan jentera berat.

Majlis Penutup telah diadakan pada 4 Jun 2015 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan). Beliau mengucapkan tahniah kepada peserta kerana berjaya mengikuti Kursus Induksi Khusus ini dengan jayanya dan berharap agar mereka dapat menjalankan tugas dengan tekun bagi mencapai visi dan misi jabatan. Beliau juga telah menyampaikan hadiah kepada peserta terbaik dan kumpulan terbaik bagi kursus induksi pada kali ini.



Peserta diajar memasak menggunakan kayu api dalam aktiviti Jungle Survival.

BANGI
19 MEI

BENGKEL PENGENALPASTIAN HAZARD PENAKSIRAN RISIKO & KAWALAN RISIKO (HIRARC) DI HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Disediakan oleh: Muhammad Firdaus bin Khadlan
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPJPSM

Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri telah menganjurkan Bengkel Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri pada 19 hingga 21 Mei 2015 bertempat di Bilik Latihan, *National Institute Of Occupational Safety And Health (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor*. Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Hutan Lipur dan Pengurus Hutan Taman Negeri bagi setiap Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai kursus ini. Penceramah bagi bengkel ini ialah Yang Mulia Tengku Hizir bin Tengku Abd. Rashid daripada pihak NIOSH sendiri yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang yang berkaitan dengan bengkel ini.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi pemahaman kepada semua Pegawai Hutan Lipur dan Pengurus



Sesi bergambar peserta-peserta bengkel bersama YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM dan dif-dif jemputan sejurus selepas Majlis Perasmian Bengkel Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Dewan, NIOSH.

Hutan Taman Negeri mengenai pengenalpastian hazard, penaksiran risiko dan kawalan risiko (*HIRARC - Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control*). Bengkel ini juga adalah bertujuan bagi menyediakan draf Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (*HIRARC - Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control*) di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri.

Bengkel yang telah berlangsung selama tiga hari ini meliputi taklimat daripada pihak NIOSH mengenai HIRARC dan seterusnya membimbing peserta dalam menyediakan draf Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (*HIRARC - Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control*) di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan semua pegawai pengurusan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Semenanjung Malaysia kelak.



Wakil Pengurusan NIOSH bersama-sama dif-dif jemputan sewaktu taklimat keselamatan daripada pihak NIOSH sebelum Majlis Perasmian Bengkel bermula.

KEPONG
28 MEI

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN SESI 2014-2015

Disediakan oleh: Muhammad Hafiz bin Abdullah
Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM

Majlis Penyampaian Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2014-2015 kepada pelatih yang berjaya menamatkan pengajian di Institut latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah diadakan di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong pada 28 Mei 2015. YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah hadir untuk menyempurnakan majlis ini. YB. Menteri telah menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan pelatih yang turut diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pada majlis ini, seramai 75 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan telah menerima sijil masing-masing. Selain itu, pelatih yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kerja praktikal telah dianugerahkan perisai pusingan.



YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah hadir untuk menyempurnakan majlis penyampaian sijil



YB. Datuk Seri G. Palanivel (barisan bawah tengah) bergambar bersama-sama pelatih dan Pegawai-pegawai JPSM

PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI KELIMA DAN MEMPERKASA INTEGRITI DALAM KELESTARIAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Disediakan oleh: Disediakan oleh : Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Kelima dan Memperkasa Integriti dalam Kelestarian Pemuliharaan Alam Sekitar telah berlangsung di Kompartmen 5, Hutan Simpan (HS) Gunung Siku, Cameron Highlands yang berkeluasan ±3.8 ha (± 9.3 ekar). Program ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) merangkap Ahli Parlimen Cameron Highlands dan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Program ini merupakan salah satu langkah awal tindakan proaktif dan inovatif yang julung-julung kalinya mengabungkan kerjasama strategik di antara dua (2) Kementerian iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Di mana melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan para peserta Program Latihan Pegawai Intergriti Bertauliahan (CeLO) Siri 10 Bilangan 2 Tahun 2015 dalam membina jalinan kerjasama (networking) di kalangan semua pihak yang terlibat khususnya di antara kerajaan dan masyarakat bagi memudahkan cara penyaluran maklumat dan aduan mengenai rasuah, penyelewengan salah guna kuasa serta kelemahan pentadbiran yang mengancam kelestarian alam sekitar.

Program ini telah mensasarkan penanaman 4,000 anak pokok. Spesies pokok yang ditanam adalah Podo kebal musang (*Nageia wallichiana*), Rhu bukit (*Gymnostoma sumatranum*), Damar minyak (*Agathis borneensis*), Meranti bukit (*Shorea platyclados*), Gerok (*Exbucklandia populnea*) dan Tecoma dengan penyertaan seramai 500 orang peserta daripada agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia (JKPTG), Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan seperti Regional Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH), Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA), Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET), Persatuan Pencinta



Peserta Program Latihan Pegawai Intergriti Bertauliahan (CeLO) Siri 10 Bilangan 2 Tahun 2015, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Kelima

Alam Malaysia (MNS), Pertubuhan Pengusaha Pertanian Cameron Highlands, Kumpulan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) dan Institut Rimbawan Malaysia (IRIM) serta penduduk setempat. Turut hadir bersama semasa program ini ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha I (Pengurusan Sumber Asli), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Penganjuran program ini juga merupakan kesinambungan daripada Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Kedua yang juga turut dirasmikan oleh YB. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun lalu iaitu 7 - 8 Mac 2015 bertempat di Kompartmen 5, HS Gunung Siku, Cameron Highlands.

Secara keseluruhan, program ini dapat mendidik dan memberi kesedaran awal kepada masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan memelihara dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang.



YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia menanam pokok Damar minyak (*Agathis borneensis*) sempena upacara penanaman pokok bagi Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Kelima

TAMAN RIMBA
KLEDANG
7 JUN

PROGRAM "RAINFOREST MTB" DOWNHILL CHALLENGE 2015 (EPISODE II)

Disediakan oleh: Hiryahfiza binti Mohamad Tahir
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Peserta-peserta yang memenangi pertandingan mengikut kategori masing-masing

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dengan usahasama Kelab Basikal Lasak "Neighbourhood", Perak (NBHC), Jawatankuasa Belia Sukan Multimedia & Komunikasi Negeri Perak Darul Ridzuan serta Jawatankuasa Keshihatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menganjurkan Program "Rainforest MTB Downhill Challenge 2015 (Episode II)".

Program ini merupakan kesinambungan dari acara *Rainforest MTB Downhill Challenge 2014 Episode 1* yang telah diadakan dengan jayanya pada 10 Mei 2014 yang lalu. Program pada kali ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Timbalan Pengarah (Pembangunan), dari JPNPK. Seramai 120 orang peserta telah menyertai program ini dan sambutan yang diberikan amat menggalakkan dari pelbagai peringkat umur. Penyertaan peserta termasuklah dari dalam dan luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Filipina.

Objektif penganjuran program ini adalah bertujuan untuk mempromosikan Taman Rimba Kledang Saiong sebagai lokasi tumpuan bagi aktiviti berbasikal lasak. JPNPK juga telah membina dan menyediakan laluan berbasikal yang sesuai dan besar harapan dapat menjadikan ia sebagai Taman Tema Berbasikal yang pertama di Malaysia yang terdapat dalam kawasan Hutan Simpan yang sentiasa dijaga dan dikawalselia.

Acara yang dipertandingkan ialah merangkumi 6 kategori iaitu:-

- Junior – 18 tahun ke bawah
- Open – 19 tahun hingga 29 tahun
- Master A – 30 tahun hingga 34 tahun
- Master B – 35 tahun hingga 39 tahun
- Master C – 40 tahun ke atas
- Elite – National Champ/ Pro/ Expert

Program ini juga telah mendapat perhatian dan tajaan dari pelbagai pihak termasuklah Perak News.com, iaitu rakan media yang membuat liputan sepanjang program ini berlangsung, Redbull Asia (penaja minuman), Pedal Gear & FTM Malaysia (penaja pakaian sukan basikal lasak) dan juga Terminal Aspire (syarikat korporat tempatan).



Aksi peserta pertandingan Rainforest MTB Downhill Challenge 2015



Peserta-peserta bergambar dengan hadiah kemenangan masing-masing

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN TASIK PERGAU

Disediakan oleh: Suryani binti Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Tasik Pergau yang telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 15 – 16 Jun 2015 di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan. Seminar ini diadakan adalah susulan daripada ekspedisi yang telah dilaksanakan pada 8-14 Disember 2012 yang lalu. Seramai 17 pembentang kertas kerja yang telah berjaya membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu pembentang daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Malaysia Terengganu. Seramai 100 orang peserta hadir semasa seminar tersebut yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri serta jabatan-jabatan di bawah NRE di Negeri Kelantan. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.

Penganjuran Seminar Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan Tasik Pergau, Jeli ini diadakan adalah bagi membentangkan hasil-hasil penemuan oleh para penyelidik dan peserta ekspedisi. Penganjuran seminar sebegini dapat menjadi forum perbincangan dan perkongsian maklumat agar seterusnya dapat didokumentasikan dalam buku prosiding yang akan dijadikan rujukan ilmiah. Selain itu, data yang diperolehi digunakan untuk memahami proses ekologi dalam habitat dan juga dapat mewujudkan pangkalan maklumat kepelbagaian biologi hutan. Setinggi – tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Seminar Ekspedisi Saintifik kepelbagaian Biologi Hutan Tasik Pergau, Jeli Kelantan.



Penyampaian cenderahati kepada YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.



Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan telah disempurnakan oleh YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.

Ucapan aluan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Ucapan aluan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Haji Zahari bin Ibrahim



Kumpulan koir Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KUALA
LUMPUR
26 JUN

PROGRAM IHYA RAMADHAN

Disediakan oleh: Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM



Datin Sri Hajah Soriati binti Abd Samad Menyampaikan Cenderahati dan Sumbangan kepada anak-anak Yatim.

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Majlis Ihya Ramadhan pada 26 Jun 2015 bersamaan 11 Ramadhan 1436H (Jumaat). Seramai 30 orang anak-anak Yatim daripada Darul Khifayah Taman Koperasi Polis Fasa 2,

Kuala Lumpur dan seramai 10 orang Anak-Anak Yatim daripada Kelas Quran Wangsa Maju Kuala Lumpur telah dijemput bagi Majlis Iftar dan Solat Tarawih tersebut. Program tersebut telah bermula pada jam 2.30 petang dengan Majlis Pengukuhan Integriti Warga Kerja JPSM yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Ceramah bagi Pengukuhan Integriti ini disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Hj Mohd Yusof bin Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini diteruskan dengan Majlis Iftar yang bermula pada jam 6.30 petang dan dihadiri Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, Mantan Ketua Pengarah, Pegawai-pegawai dari Kementerian dan Kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Muslimin dan muslimat berselawat sebelum majlis berbuka puasa.



Datin Sri Hajah Soriati binti Abd Samad bergambar bersama anak-anak Yatim daripada DARUL KHIFAYAH TAMAN KOPERASI POLIS FASA 2, KUALA LUMPUR

BUKIT
KIARA
30 JUN

SESI HANDS-ON LAB CITIZEN INFORMATION GATEWAY PROGRAM (CCIGP) SIRI 4

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Satu Sesi Hands On Lab Citizen Centric Information Gateway Programme (CCIGP) Siri keempat (4) telah diadakan di Dewan Bankuet 1, INTAN, Bukit Kiara dan telah dihadiri 32 peserta daripada Kementerian/SUK/Agenzi. Tujuan Lab ini diadakan adalah untuk membantu Kementerian/SUK/Agenzi dibawahnya mencapai rating yang lebih baik serta memenuhi Web Self-Assessment Tahun 2015 (ProBE 2015) yang akan bermula pada bulan Julai hingga Disember 2015. Manakala sesi kajian awal bengkel (Pilot Lab) pula merupakan sesi hands-on coaching bagi menerapkan kemahiran webmaster untuk menambahbaik portal dan sebagai platform kesediaan (readiness) ke arah memenuhi kriteria baru (ProBE 2015).



Peserta bengkel sedang menjalani latihan secara *hands on*



Semua peserta bengkel sedang menguji cuba program

ALOR SETAR
14 JULAI

MAJLIS SAMBUTAN BERBUKA PUASA BERSAMA AHLI PONDOK UMUMI MADRASAH AHMADIAH BUKIT PINANG

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Mengambil barakah Ramadhan 1436H, Persatuan Kebajikan dan Sukan Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah/ Pulau Pinang/ Perlis (PEKSPER) dan PUSPANITA telah menganjurkan Majlis Sambutan Berbuka Puasa bersama ahli Pondok Umumi Madrasah Ahmadiyah Bukit Pinang bertempat di Madrasah Ahmadiyah, Kampung Kepala Bukit, Bukit Pinang, Alor Setar.

Seramai 100 orang ahli Pondok Umumi Madrasah Ahmadiyah dan 50 orang ahli dari PEKSPER dan PUSPANITA telah bersama-sama menghadiri majlis tersebut.

Majlis telah bermula sekitar jam 6.30 petang dengan ucapan aluan dan program tazkirah yang disampaikan oleh mudir Madrasah Ahmadiyah iaitu Ustaz Zubaidi Hj.Ismail.

Seterusnya, Yang Dipertua PEKSPER iaitu YM Ku Azmi bin Ku Aman dan Pengurus PUSPANITA JPNK, Puan Aliza bt Abdul Ghani telah menyampaikan sumbangan kepada ahli pondok yang hadir. Selesai majlis berbuka puasa, semua hadirin yang hadir menuaikan Solat Fardhu Maghrib secara berjemaah dan lawatan ke sekolah pondok tersebut.



YM Ku Azmi bin Ku Aman, Pengarah Jabatan Negeri Kedah menyampaikan sumbangan kepada ahli-ahli Pondok Umumi Madrasah Ahmadiyah Bukit Pinang



Majlis berbuka puasa bersama bersama ahli-ahli Pondok Umumi Madrasah Ahmadiyah

ALOR SETAR
2 OGOS

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2015 yang disertai seramai 100 orang jemputan yang terdiri daripada semua pegawai-pegawai kanan, kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Bangunan Sultan Abdul Halim iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan & Saliran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Air Darulaman (SADA) serta pembalak dan kontraktor pembangunan.

Tetamu dihidangkan dengan pelbagai hidangan seperti nasi daging, laksa kedah, sate, lemang, ketupat, kuih-muih dan sebagainya. Majlis dimeriahkan dengan cabutan bertuah serta pertandingan selfie, wefie dan the best outfit untuk pegawai dan kakitangan serta pertandingan gerai paling kreatif. Majlis berakhir dengan sesi fotografi bersama Pengarah Perhutanan Negeri Kedah dan isteri sebagai tanda kenangan.

KEPONG
5 OGOS

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN DEMONSTRASI PENGESANAN BALAK MENGGUNAKAN PENDEKATAN DNA DI MAKMAL GENETIK

Disediakan oleh : Suhaila binti Mahruji
Bahagian Penguatkuasaan Hutan, IPJPSM



Pegawai penyelidik, Dr. Tnah Lee Hong sedang menerangkan mengenai penjujukan DNA (*DNA sequencing*) dengan menggunakan instrumen *Genetic Analyzer*.



Pembantu penyelidik FRIM sedang menunjukkan demo kaedah persampelan menggunakan pengorek kenaikan (*increment borer*) untuk mendapatkan sampel teras pokok (*wood core*) dari kayu balak.



Peserta sedang mencuba menggunakan peralatan *multi-channel micropipette* dalam prosedur penyediaan sampel untuk penjujukan DNA sambil dibantu oleh pegawai penyelidik, Dr. Norwati binti Muhammad.

Bahagian Penguatkuasaan Hutan (Seksyen Forensik) telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar dan Melihat Demonstrasi Pengesanan Balak Menggunakan Pendekatan DNA di Makmal Genetik, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pegawai penguatkuasaan, pegawai perundangan dan pegawai siasatan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia peringkat Ibu Pejabat dan Negeri-negeri telah mengikuti lawatan ini.

Lawatan ini telah diketuai oleh Encik Yusuf bin Yahya, Ketua Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan kepada peserta mengenai kaedah pengesanan balak melalui pendekatan DNA dan tatacara (SOP) persampelan di lapangan bagi tujuan forensik. Selain itu, peserta juga turut mempelajari tentang prinsip pengekstrakan (*extraction*) DNA, penjujukan (*sequencing*) DNA dan prinsip pengenotipan (*genotyping*) mikrosatelit untuk pengesanan balak. Ketua Makmal Genetik, Dr. Lee Soon Leong telah memberi taklimat serta demonstrasi pengenalan sampel. Peserta-peserta juga diberi peluang melakukan prosedur persampelan secara *hands on*.

Pada keseluruhannya, output daripada bengkel ini telah berjaya meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan kepada para peserta tentang kepentingan aplikasi penggunaan DNA untuk tujuan pengesanan balak dan seterusnya membanteras pembalakan haram di Semenanjung Malaysia. Selain itu, para peserta juga diharap dapat memahami dan mematuhi tatacara (SOP) persampelan di lapangan yang telah disediakan untuk mengelak pencemaran terhadap bahan kes (sampel kayu) dan *chain of custody*.



Para peserta yang menyertai Lawatan Sambil Belajar dan Melihat Demonstrasi Pengesanan Balak Menggunakan Pendekatan DNA di Makmal Genetik, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.

KUALA
LUMPUR
10 OGOS

MAJLIS PELANTIKAN DAN PENYAMPAIAN WATIKAH GRED UTAMA JUSA C

Disediakan oleh: Siti Nawwar binti Zainudin
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



Majlis pelantikan dan penyampaian watikah oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada YBrs. Encik Borhanudin bin Hj. Arshad yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal) berkuatkuasa 10 Ogos 2015.



YBrs. Puan Shashiah binti Abdul Karim telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Gred Utama Jusa C berkuatkuasa 10 Ogos 2015.



YBrs. Encik Yap Yee Hwai telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, Gred Utama Jusa C berkuatkuasa 10 Ogos 2015.

PORT
DICKSON
18 OGOS

KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN PERHUTANAN UNTUK PERINGKAT PENGURUSAN 2015

Disediakan oleh: Mohd. Zulhilmi bin Mohd. Radzi
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan IPJPSM



Peserta kursus Pemahaman kepada Perundangan berkaitan Perhutanan



Peserta-peserta sedang mendengar taklimat

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah berjaya menganjurkan Kursus Pemahaman Kepada Perundangan Berkaitan Perhutanan Untuk Peringkat Pengurusan 2015 pada 18-21 Ogos 2015 di Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 44 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut dan semua peserta adalah terdiri daripada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred G44 hingga Gred G48. Pihak pengunjur telah menjemput penceramah-penceramah daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE), Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan penceramah dalaman telah disampaikan oleh Timbalan Pendakwarya, IPJPSM.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada Pegawai Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) terhadap perundangan berkaitan dengan Perhutanan dan meningkatkan pemahaman Pegawai mengenai perundangan yang berkaitan dengan perhutanan dan penguatuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu.

Pendedahan dan mempertingkatkan pemahaman pegawai-pegawai JPSM terhadap akta-akta lain yang ada kaitan dengan pentadbiran dan pengurusan hutan dapat memberi nilai tambah terhadap kecekapan penguatuasaan di lapangan dan pendakwaan kes di mahkamah menjadi lebih berkesan. Kursus seumpama ini perlu diteruskan supaya semua pegawai JPSM berpeluang untuk mengikutinya.



Majlis Perasmian Kursus yang disempurnakan oleh TKP (OT)



Perkongsian Idea antara peserta kursus

PUTRAJAYA
25 OGOS

SESI KONSULTASI AKHIR BERSAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI MEMUKTAMADKAN CADANGAN DASAR PERHUTANAN NEGARA 2015 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Azhar bin Ahmad

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM



Majlis Perasmian Sesi Konsultasi Akhir bersama dengan Pihak Berkepentingan telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengadakan Sesi Konsultasi Akhir Bersama Dengan Pihak Berkepentingan Bagi Memuktamadkan Cadangan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 2015 Peringkat JPSM pada 25 hingga 26 Ogos 2015 bertempat di The Everly Putrajaya.



Majlis Perasmian Sesi Konsultasi Akhir bersama dengan Pihak Berkepentingan bagi Memuktamadkan Cadangan Dasar Perhutanan Negara 2015

Sesi yang diadakan ini bertujuan untuk membincang, memurni dan memuktamadkan penghasilan dokumen DPN 2015 yang mantap dan mampu mencorakkan masa depan sektor perhutanan negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang terutama sekali dalam menangani isu-isu baru perhutanan

menjelang Malaysia mencapai status Negara Maju berpendapatan tinggi pada Tahun 2020.



Wakil NRE menyampaikan Taklimat mengenai Cadangan Dasar Perhutanan Negara 2015

Terdahulu, DPN 1977 telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara bagi menggantikan Dasar Perhutanan Sementara 1952. Dasar ini telah disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada tahun 1978 dan seterusnya dipinda pada November, 1992 bagi menangani isu-isu semasa yang telah dibangkitkan oleh masyarakat antarabangsa ke atas kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber-sumber genetik dan juga peranan masyarakat tempatan dalam pembangunan hutan dan sumber-sumber genetik.

DPN 1978 ini pada dasarnya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja memandangkan di Negeri Sabah masih menggunakan Dasar Hutan Negeri, 1954 (State Forest Policy, 1954) manakala Sarawak pula menggunakan Kenyataan Mengenai Dasar Hutan, 1954 (Statement on Forest Policy, 1954) untuk pengurusan dan pembangunan sumber hutan di wilayah masing-masing.

Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 74 dan Senarai No.2 (senarai Negeri) dalam Jadual Kesembilan memperuntukkan bahawa perkara "Tanah" adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian, Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang yang berkaitan dengan tanah bagi tujuan penyeragaman.

Memandangkan banyak perubahan yang telah berlaku kepada sektor perhutanan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar maka satu dasar perhutanan yang mencakupi kehendak dan kepentingan semasa perlu digubal. Usaha-usaha yang berterusan telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan sumber hutan dapat diurus secara berkekalan untuk mencapai faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang seimbang. Pengurusan hutan secara berkekalan sentiasa menjadi agenda penting Negara kita bagi memastikan khazanah hutan semulajadi terus kekal sepanjang zaman demi kebaikan kita semua dan generasi akan datang. Hutan yang diurus secara berkekalan akan memberikan banyak manfaat dan kebaikan kepada kesejahteraan hidup masyarakat dan kestabilan alam sekitar di samping dapat terus merangsang pembangunan ekonomi Negara.

Sehubungan dengan itu, bagi merumus dan merangka DPN yang baharu, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama dengan JPSM juga telah mengambil tindakan awal secara proaktif mengkaji semula DPN 1978 (Pindaan 1992) melalui beberapa siri Bengkel dan Konsultasi sebelum dikemukakan kepada pihak NRE dan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Semula DPN 1978 (Pindaan 1992). Sesi mendapatkan pandangan resource person juga telah diadakan untuk membantu proses menggubal DPN yang baru bagi merangkumi keperluan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Adalah menjadi harapan JPSM dan NRE agar dapat menghasilkan satu DPN yang terbaik bagi merancakkan lagi pembangunan masa depan sektor perhutanan untuk pembangunan sosio-ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat.

JPSM mengucapkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, wakil pihak industri dan NGO di dalam Sesi Konsultasi Akhir Bersama Dengan Pihak Berkepentingan Bagi Memuktamadkan Cadangan DPN 2015, Peringkat JPSM pada kali ini. Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pihak NRE atas kerjasama yang diberikan dan kepada pihak UNDP yang telah memberikan peruntukan bagi menjayakan Sesi Konsultasi Akhir DPN 2015 ini.



Rumusan Sesi Konsultasi Akhir



Sesi Konsultasi Akhir Bersama Dengan Pihak Berkepentingan Bagi Memuktamadkan Cadangan Dasar Perhutanan Negara 2015



Perbincangan dalam kumpulan bagi mendapatkan komen/ulasan daripada pihak berkepentingan

KUALA
LUMPUR
25 OGOS

LAWATAN KE TITIAN SILARA TAMAN EKO RIMBA BUKIT NANAS, KUALA LUMPUR SEMPENA MESUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (PIHK PEKERJA) JPSM 2015

Disediakan oleh: Zuraida Binti Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



Sesi Begambar Ahli Mesyuarat semasa Lawatan ke Titian Silara,
Taman Eko Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur

Majlis Bersama Jabatan merupakan platform kerjasama diantara pihak pengurusan dan pihak pekerja bagi mengemukakan pendapat dan perbincangan dalam menyelesaikan isu berkaitan prosedur kerja, urusan pentadbiran dan kebijakan pekerja.

Sehubungan itu, satu mesyuarat MBJ (Pihak Pekerja) telah diadakan pada 25 Ogos 2015 di Bilik Mesyuarat, Taman Eko Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Isu-isu yang dibincangkan berkaitan pihak pekerja untuk dibawa ke mesyuarat peringkat pihak pengurusan. Bersempena dengan mesyuarat ini juga, wakil pihak pekerja mengadakan lawatan sambil belajar ke Titian Silara Bukit Nanas.



CAMERON
HIGHLANDS
28 OGOS

PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Kedah bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menganjurkan Program Penanaman Pokok di Hutan Simpan Gunung Siku, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur. Objektif program ini dijalankan adalah untuk menyokong dan melibatkan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dalam Program Greening Cameron Highlands yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan memberi pendedahan berkenaan kepentingan memelihara kawasan hijau kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang tidak terlibat secara langsung dengan kerja-kerja di lapangan.



Peserta-peserta Program Penghijauan Cameron Highlands sedang menanam anak pokok yang telah disediakan

ALOR SETAR
31 OGOS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE 58 PERINGKAT NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Sambutan Hari Kebangsaan kali ke 58 Peringkat Negeri Kedah telah diadakan bertempat di Dataran Balai Besar, Alor Setar. Sambutan ini turut dihadiri Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah Tengku Temenggong Kedah serta Ahli-ahli Jemaah

Pemangku Sultan, YAB Menteri Besar Kedah, Barisan Exco dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kedah.

Perarakaran perbarisan bermula pada jam 9.00 pagi yang disertai daripada pelbagai Agensi, Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta Sekolah-Sekolah. Perbarisan Hari kebangsaan ini juga turut disertai kontjen anggota Jabatan Perhutanan Negeri Kedah seramai 33 orang anggota bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan.

Sambutan Hari Kebangsaan ke 58 bertemakan Sehati Sejiwa bagi kategori Jabatan telah dimenangi oleh Majlis Sukan Negeri. Seterusnya sambutan berakhiran dengan keberangkatan pulang Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan serta ahli-ahli Jemaah Sultan Kedah, YAB Menteri Besar, Barisan Exco dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kedah.

KALORI: (BAHAGIAN 1) SIAPAKAH KAMU?

Disediakan oleh: Disediakan oleh : Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

Kalori ialah suatu unit tenaga (kcal). Nilai kalori dalam sesebuah makanan wujud kerana kehadiran 3 unsur “macronutrient”, iaitu Karbohidrat (Carbohydrate), Protein dan Lemak (Fat). 1g Karbohidrat bersamaan dengan 4kcal, 1g Protein bersamaan dengan 4kcal, manakala 1g Lemak bersamaan dengan 9kcal. Sebagai contoh, sekiranya makanan A mengandungi 10g karbohidrat, 10g protein dan 10g lemak, maka jumlah kalori dalam makanan A ialah:

$$(10g \times 4) + (10g \times 4) + (10g \times 9) = \mathbf{170\text{kcal}}$$

(90kcal dari lemak)

Setiap pekerjaan yang kita lakukan sehari-hari memerlukan tenaga, dan tenaga ini disukat juga menggunakan unit kalori. Sebagai contoh, seseorang akan menggunakan (membakar) 70kcal apabila berjalan selama 30 minit, dan 110kcal apabila mengemas rumah selama 30 minit. Ketika tidur juga kita membakar kalori untuk memastikan kita terus bernafas dan jantung kita terus-menerus mengepam darah keseluruhan badan. Pendek cerita, apa sahaja yang berlaku dalam badan kita, dan apa sahaja yang kita lakukan, semuanya menggunakan kalori.

BMR dan DCR

Setiap individu mempunyai had kalori harian (Daily Calorie Requirement/DCR) yang berbeza, bergantung pada faktor umur, jantina, berat, ketinggian dan kadar aktiviti harian seseorang. Persoalannya sekarang, bagaimana cara untuk mengetahui DCR masing-masing? Untuk mengetahui nilai DCR, kita terlebih dahulu perlu menentukan nilai BMR (Basal Metabolic Rate), iaitu jumlah kalori asas yang kita perlukan agar kemandirian tubuh kita berterusan (bernafas, degup jantung, proses biokimia badan).



Cara mengira DCR anda?

Pengambilan kalori harian anda bergantung kepada 4+1 faktor:

- Umur: Semakin umur anda meningkat, kalori yang anda perlukan semakin berkurangan kerana kadar metabolisme asal bergerak semakin perlahan.
- Berat: Lagi berat badan anda, lebih kalori diperlukan untuk terus hidup (sama seperti kereta yang lebih berat menggunakan lebih minyak): ini juga adalah salah satu faktor mengapa ramai mendapati susah untuk menurunkan berat badan lagi selepas dapat turun beberapa kilogram.
- Ketinggian: Dengan ketinggian yang lebih, badan lebih banyak berusaha untuk untuk menggerakkan nutrien dan peredaran darah.
- Jantina: Lelaki selalunya memerlukan lebih tenaga berbanding dengan perempuan kerana lelaki secara semula jadinya dicipta untuk membuat kerja berat.
- Kadar aktiviti: Sentiasa cergas dapat memastikan bahawa lebih kalori (tenaga) dikeluarkan; menjadi aktif juga memainkan peranan yang penting dalam peningkatan keseluruhan kadar metabolisme anda.

Cara untuk mengira BMR adalah dengan menggunakan formula Harris-Benedict seperti berikut:

Lelaki: $BMR = 66 + (13.7 \times \text{berat dalam KG}) + (5 \times \text{tinggi dalam CM}) - (6.8 \times \text{UMUR})$

Wanita: $BMR = 655 + (9.6 \times \text{berat dalam KG}) + (1.8 \times \text{tinggi dalam CM}) - (4.7 \times \text{UMUR})$

Kemudian, apabila nilai BMR sudah diperolehi, nilai tersebut hendaklah didarab dengan ‘faktor aktiviti’ untuk mendapatkan DCR seperti berikut:

Duduk	$\gg BMR \times 1.2$ (kurang atau tiada senaman, kerja di meja)
Aktiviti Ringan	$\gg BMR \times 1.375$ (senaman ringan/bersukan 1-3 hari/minggu)
Aktiviti Sederhana	$\gg BMR \times 1.55$ (senaman sederhana/bersukan 3-5 hari/minggu)
Sangat Aktif	$\gg BMR \times 1.725$ (senaman berat/bersukan 6-7 hari/minggu)
Terlebih Aktif	$\gg BMR \times 1.9$ (senaman berat setiap hari/bersukan dan latihan fizikal atau 2x sehari seperti pelumba maraton)

Sebagai contoh, Aminah Binti Kasim Selamat berumur 30 tahun, berketinggian 167.6 cm, dan mempunyai berat 54.5 kg. Beliau bersukan 4 kali seminggu, maka:

$$\text{BMR (Aminah)} = 655 + 523 + 302 - 141 = 1339 \text{ kcal/hari}$$

$$\text{DCR (Aminah)} = 1339 \times 1.55 = 2075 \text{ kcal/hari}$$

Sekarang kita semua sudah tahu apa itu kalori, dan berapa kalori yang kalian perlu makan dalam sehari. Timbul pula satu persoalan, apa kaitannya kalori dengan TURUN dan NAIK berat badan? Itu akan bersambung dibahagian akan datang dan tugasannya sekarang ialah, ambil sekeping kertas, sebatang pena dan kalkulator, dan cuba kira berapa DCR anda, ok? Selamat mengira!

INFO KALORI MAKANAN

Nasi Lemak bersambal 400 (sepinggan)

Mi Goreng **510 (sepinggan)**

Sambal Udang **70 (setengah cawan)**

Sambal Sotong **55 (setengah cawan)**

Telur Goreng **110 (sebij) i**

Karipap **256 (2 biji)**

Kuih Donat **268 (sebij)**

Kuih Koci **183 (sebij)**

Sandwich sardin **71 (sebij)**

Laksa Penang **436 (sepinggan)**

Hot Dog **225 (sebij)**

Pisang Goreng **129 (sebij)**

Ayam Goreng **255 (sepotong)**

Teh Tarik **83 (segelas)**



29 MEI
2015



ACARA MENANAM POKOK OLEH
YBHG. DATO' SRI DR. KPPSM DAN
YBHG. DATO' TIMBALAN KETUA
PENGARAH PERHUTANAN (DASAR
& PERANCANGAN) SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
IPJPSM BILANGAN 5 TAHUN 2015



2 JUN
2015



LAWATAN DELEGATES INTERPOL DAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA (SPRM)

3 JUN
2015

MESYUARAT BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)



10 JUN
2015

PENYERTAAN JPSM DALAM PROGRAM SIMFONI SENI 2015 KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)



16 JUN
2015

MESYUARAT BERSAMA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)



24 JUN
2015

PELANCARAN BUKU MANUAL PESISIR PANTAI



7 JULAI
2015



MAJLIS MEJA
BULAT BERSAMA
DELEGASI MENTERI
HAL EHWAL
EKONOMI DARI
BELANDA



8 JULAI
2015



PROGRAM
EXECUTIVE TALK

31 JULAI
2015

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI



20 OGOS
2015

PROGRAM KARNIVAL KESIHATAN 2015



PELANCARAN KATALOG METADATA GEOSPATIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

24 OGOS
2015



KALENDAR 2016

JANUARI		FEBRUARI		MAC		APRIL		MEI		JUN																										
Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab									
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	1	2	3	4	5	6	7	1	2	3	4										
10	11	12	13	14	15	16	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	6	7	8	9	10	11	12	5	6	7	8	9	10	11						
17	18	19	20	21	22	23	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	27	28	29	30	31	1	2	12	13	14	15	16	17	18						
24	25	26	27	28	29	30	31										10	11	12	13	14	15	16	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	

JULAI		OGOS		SEPTEMBER		OKTOBER		NOVEMBER		DISEMBER																																																			
Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab																																		
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
10	11	12	13	14	15	16	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31			
17	18	19	20	21	22	23	28	29	30	31							4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31																	
24	25	26	27	28	29	30											11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31																								
																	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	25	26	27	28	29	30	31																									

Tarikh	Cuti Umum	Negeri
1 Jan	Tahun Baru 2016	Kecuali Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu
14 Jan	Hari Keputeraan YDB Negeri Sembilan	Negeri Sembilan
17 Jan	Keputeraan Sultan Kedah	Kedah
24 Jan	Hari Thaipusam	Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor
1 Feb	Hari Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
8 Feb	Tahun Baru Cina	Seluruh negara
9 Feb	Tahun Baru Cina (Hari Kedua)	Kecuali Kelantan dan Terengganu
4 Mac	Hari Ulang Tahun Pertabalan Sultan Terengganu	Terengganu
23 Mac	Hari Keputeraan Sultan Johor	Johor
25 Mac	Good Friday	Sabah dan Sarawak
15 Apr	Hari Perisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah	Melaka
26 Apr	Hari Keputeraan Sultan Terengganu	Terengganu
1 Mei	Hari Pekerja	Seluruh negara
5 Mei	Israk dan Mikraj	Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis
7 Mei	Hari Hol	Pahang
17 Mei	Hari Keputeraan Raja Perlis	Perlis
21 Mei	Hari Wesak	Seluruh negara
30 & 31 Mei	Pesta Kaamatan (Pesta Menuai)	Sabah dan Labuan
1 & 2 Jun	Perayaan Hari Gawai Dayak	Sarawak
4 Jun	Hari Keputeraan YDP Agong	Seluruh negara
22 Jun	Hari Nuzul Al-Quran	Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya, Kelantan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu

6 & 7 Jul	Hari Raya Puasa	Seluruh negara
7 Jul	Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia	Pulau Pinang
9 Jul	Hari Jadi YDP Pulau Pinang	Pulau Pinang
31 Ogos	Hari Kebangsaan	Seluruh negara
10 Sep	Hari Jadi YDP Sarawak	Sarawak
12 Sep	Hari Raya Qurban	Seluruh negara
13 Sep	Hari Raya Qurban (Hari Kedua)	Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu
16 Sep	Hari Malaysia	Seluruh negara
1 Okt	Hari Jadi YDP Sabah	Sabah
2 Okt	Awal Muhamarram (Maal Hijrah)	Seluruh negara
14 Okt	Hari Jadi YDP Melaka	Melaka
24 Okt	Hari Keputeraan Sultan Pahang	Pahang
29 Okt	Hari Deepavali	Kecuali Sarawak
6 Nov	Hari Hol Almarhum Sultan Iskandar	Johor
11 & 12 Nov	Hari Keputeraan Sultan Kelantan	Kelantan
27 Nov	Hari Keputeraan Sultan Perak	Perak
11 Dis	Hari Keputeraan Sultan Selangor	Selangor
12 Dis	Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W (Maulidur Rasul)	Seluruh negara
25 Dis	Hari Krismas	Seluruh negara

CUTI SEKOLAH	TARIKH MULA & TAMAT
Cuti Pertengahan Penggal 1	12.03.2016 - 20.03.2016
Cuti Pertengahan Tahun	28.05.2016 - 12.06.2016
Cuti Pertengahan Penggal 2	10.09.2016 - 18.09.2016
Cuti Akhir Tahun	26.11.2016 - 01.01.2017